LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 (Akta 458)]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI: **LJT 458 Jld 2. / (31)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT
LORONG PERAK
PUSAT BANDAR MELAWATI
53100 KUALA LUMPUR
No. Telefon: 03-41085191
No. Faksimili: 03-41085178
e-mail: secretary@ljt.org.my
laman web: www.ljt.org.my

12 November 2026
2 Jamadilakhir 1448H

Semua Juruukur Tanah Berdaftar

YBhg. Datuk Seri / Dato' Indera / Datuk / Dato' / Dr / LSr,

MAJLIS PERJUMPAAN LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA BERSAMA JURUUKUR TANAH BERDAFTAR TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Lembaga kali ke-567 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) akan mengadakan satu Majlis Perjumpaan LJT bersama Juruukur Tanah Berdaftar bagi tahun 2026 seperti ketetapan berikut:

Tarikh	:	1 Disember 2026 (Selasa)
Masa	:	9.00 pagi
Tempat	:	Grand Ballroom Level 1 Mandarin Oriental Kuala Lumpur Kuala Lumpur City Centre 50088 Kuala Lumpur
Kod Pakaian	:	Lounge Suit / Baju Kebangsaan

3. Sehubungan itu, YBhg. Datuk Seri / Dato' Indera / Datuk / Dato' / Dr / LSr adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke majlis tersebut. Aturcara Majlis adalah seperti di **Lampiran A**.

4. Bersama-sama ini dilampirkan juga syarat-syarat Kelayakan Elaun Kehadiran dan Pengambilan Lesen Menjalan Amalan 2027 seperti di **Lampiran B**.

.../2

5. Pembayaran bagi elaun kehadiran akan dibuat kepada akaun yang didaftarkan di LJT kecuali bagi yang ingin membuat bayaran ke akaun lain boleh mengisi Borang Maklumat Nombor Akaun Bank di pautan https://forms.gle/g8Mt7qc2ZudouS6y5.

6. Mana-mana JTB yang tidak dapat hadir dan mewakilkan orang lain untuk mengambil Lesen Menjalan Amalan, adalah dikehendaki membawa surat wakil kuasa yang telah dilengkapkan menggunakan borang seperti di **Lampiran C.**

7. Untuk makluman, JTB yang hadir pada perjumpaan ini akan memperoleh 2 mata CPD yang boleh digunakan untuk tahun 2027.

Kerjasama dan kehadiran daripada pihak YBhg. Datuk Seri / Dato' Indera / Datuk / Dato' / Dr / LSr amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(LSr MOHD RIZA BIN HALIM)
Setiausaha Lembaga
Lembaga Jurukur Tanah
Malaysia

s.k.:

1. YBrs. Tuan LSr
   Pengerusi
   Lembaga Jurukur Tanah
   Malaysia

2. YBrs. Tuan LSr
   Presiden
   Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah
   Malaysia

YBrs. Tuan LSr adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke majlis ini

LAMPIRAN A

ATURCARA MAJLIS

PERJUMPAAN LJT BERSAMA JTB TAHUN 2026

1 DISEMBER 2026 (SELASA)

MASA	PERKARA
9.00am – 10.30am	Pendaftaran Kehadiran ▪ Imbasan Kad JTB & serahan Slip Kehadiran ▪ Lesen Menjalan Amalan 2027 ▪ 'Goodies Bag' Sarapan pagi disediakan di *foyer Grand Ballroom*
10.30am – 10.45am	Nyanyian lagu Negaraku dan Bacaan Doa
10.45am – 11.15am	Ucapan Aluan oleh YBrs. Tuan LSr Pengerusi Lembaga Jurukur Tanah Malaysia
11.15am – 12.00pm	Penyampaian Sijil Kecekapan dan Sijil Perakuan Pendaftaran kepada Juruukur Tanah Berdaftar
12.00pm – 12.15pm	Taklimat khas kepada JTB
12.15pm – 12.30pm	Tayangan Montaj JTB
12.30pm – 2.00pm	Jamuan Makan Tengahari
2.00pm	Imbasan Kad JTB & pengembalian Slip Kehadiran Majlis Bersurai

LAMPIRAN B

Syarat-Syarat Kelayakan Elaun Kehadiran

- Kaunter pendaftaran akan dibuka pada jam 9.00 pagi hingga 10.30 pagi, Kad JTB dan Slip Kehadiran akan diserahkan semasa pendaftaran kepada JTB yang hadir sahaja. JTB perlu mengimbas kad berkenaan bagi mengesahkan pendaftaran. Kad JTB dan Slip Kehadiran **tidak** akan diberikan kepada mana-mana wakil JTB yang diberi kuasa untuk mengambil lesen.
- JTB perlu mengimbas sekali lagi Kad JTB dan menyerahkan Slip Kehadiran di kaunter pendaftaran selepas majlis pada jam 2.00 petang bagi melengkapkan kehadiran dan melayakkan untuk mendapat elaun kehadiran.
- Elaun kehadiran tidak akan diberi kepada mana-mana JTB yang tidak hadir, tidak mengimbas Kad JTB pada awal dan akhir majlis serta tidak menyerahkan Slip Kehadiran mengikut kaedah yang telah ditetapkan.

Syarat-Syarat Pengambilan Lesen Menjalan Amalan 2027

- Lesen Menjalan Amalan 2027 **hanya boleh diambil** oleh pemilik lesen itu sendiri; atau,

- Wakil JTB yang ingin mengambil Lesen Menjalan Amalan JTB lain **mesti** mengemukakan **Borang Wakil Kuasa** yang lengkap diisi dan telah ditandatangani serta disahkan dengan cop Profesional JTB oleh pemilik asal lesen itu.

Kegagalan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan boleh menyebabkan pemberian Elaun Kehadiran atau Lesen Menjalan Amalan 2027 tidak akan dipertimbangkan.

LAMPIRAN C

LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

BORANG PERMOHONAN WAKIL KUASA UNTUK MENGAMBIL LESEN MENJALAN AMALAN 2027

NAMA JURUUKUR	
NOMBOR KAD PENGENALAN	
NAMA AMALAN	
NOMBOR RLS	
ALASAN TIDAK HADIR*	☐ Masalah kesihatan ☐ Kematian ahli keluarga ☐ Berada di luar negara ☐ Lain-lain: Sila nyatakan .....

***Mandatori**: sila kemukakan lampiran sokongan bagi alasan di atas*

'Dengan ini saya seperti nama di atas, mengaku telah memberi kuasa kepada penama di bawah ini untuk mengambil Lesen Menjalan Amalan 2027 bagi pihak saya dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tindakan wakil saya yang berkaitan dengan urusan tersebut:'

NAMA WAKIL	
NOMBOR KAD PENGENALAN*	
HUBUNGAN DENGAN JTB	
NOMBOR TELEFON	

***Mandatori**: sila kemukakan salinan kad pengenalan wakil*

Tandatangan JTB:	**Cop Rasmi Profesional JTB seperti Pekeliling LJT Bilangan 1/2016:**	**Tandatangan Wakil:**
Nama : **Tarikh :**		**Nama :** **Tarikh :**